

13/04/2002

Peserta setuju definisi Mahathir

PANDANGAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mendefinisikan penganas sebagai mereka yang melakukan malapetaka kepada orang awam, disokong kebanyakan peserta Persidangan Kemasyarakatan Asia Williamsburg di sini.

Ahli Lembaga Amanah Pusat Kajian Antarabangsa dan Strategik (CSIS) Indonesia, Jusuf Wanandi (gambar), berkata kebanyakan peserta bersetuju pandangan Dr Mahathir bahawa penganas adalah mereka yang menganiaya orang awam yang tidak bersalah.

Jusuf berkata, definisi keganasan dan pandangan Dr Mahathir mendapat perhatian peserta, selain akibat serangan terhadap Amerika Syarikat 11 September lalu selain kegiatan penganas di Asia Pasifik.

Beliau berkata, peserta turut membincangkan sama ada kerjasama perlu dilakukan bagi menentang keganasan selain kesan peristiwa 11 September.

"Kita juga membincangkan bagaimana peranan Amerika Syarikat pada masa depan terutama dalam kawasan Asia, perkembangan di Asia Tenggara dan bagaimana Asia boleh berkembang pada masa depan," katanya.

Jusuf juga berpendapat tidak ada model yang boleh digunakan untuk memerangi keganasan di semua negara kerana setiap negara mempunyai masalah berbeza.

Sehubungan itu, katanya, Amerika Syarikat tidak boleh meminta semua negara mengikut telunjuknya dalam memerangi keganasan, sebaliknya perlu mempertimbangkan keadaan di negara lain.

Beliau juga memuji keterbukaan dan sikap terus terang Dr Mahathir dalam ucaptamanya semalam.

"Mungkin tidak semua bersetuju dengan pandangan beliau (Dr Mahathir), tetapi kita amat menghargai sikap terbuka dan terus terang beliau.

"Secara peribadi saya bersetuju pandangan beliau bahawa negara Asia berhak melakukan sesuatu mengikut caranya sendiri tanpa dikongkong atau dipaksa menerima dasar barat," katanya.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Sisters In Islam (SIS), Zainah Anwar berkata, usaha memerangi kemiskinan dan menyokong pentadbiran, turut dibincangkan pada persidangan itu.

Persidangan itu turut dihadiri Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, Marie T Huhtala; Timbalan Menteri Kanan Hal Ehwal Luar Jepun, Seiken Sigiura; Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Hills & Company International Consultants, Carla A Hills.

(END)